



**SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM
JABATAN PENDIDIKAN KELANTAN**

**PERATURAN PEMARKAHAN
PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
2017**

**TASAWWUR ISLAM
KERTAS1 DAN 2**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Skema Soalan Kertas 1

BAHAGIAN A

1.	D	2.	B	3.	C	4.	A	5.	D
6.	D	7.	A	8.	B	9.	C	10.	D
11.	A	12.	C	13.	B	14.	C	15.	B
16.	A	17.	C	18.	D	19.	B	20.	A

BAHAGIAN B

- 21 Taubat
- 22 Maksum
- 23 Hukum hudud
- 24 Irhas
- 25 Sebat 100 kali
- 26 Sebat 40 kali
- 27 Dipotong pergelangan tangan
- 28 Sebat 80 kali
- 29 AL-QURAN/HADIS/IJMAK/QIAS
- 30 AL-QURAN/HADIS/IJMAK/QIAS
- 31 AL-QURAN/HADIS/IJMAK/QIAS
- 32 AL-QURAN/HADIS/IJMAK/QIAS
- 33 ✓
- 34 ✓
- 35 X
- 36 X
- 37 Memelihara agama/nyawa/akal/keturunan
- 38 Memelihara agama/nyawa/akal/keturunan
- 39 Memelihara agama/nyawa/akal/keturunan
- 40 Memelihara agama/nyawa/akal/keturunan

Skema Soalan Kertas 2

SOALAN			SKEMA	MARKAH
1	(a)	(i)	<p>Maksud tauhid Uluhiyyah ialah keyakinan dalam hati secara mutlak bahawa Allah SWT yang Maha Esa yang layak disembah, dipatuhi dan ditaati segala perintahnya.</p>	(1 X2 = 2m)
		(ii)	<p>Dua Konsep Uluhiyyah 1. Mengakui hanya Allah SWT yang layak disembah dan ditaati / segala perintahnya 2. Paksi utamanya / ialah kalimah syahadah 3. Orang yang tidak beriman dengan tauhid uluhiyyah / dianggap sesat</p>	(2X 2 = 4m)
	(b)	(i)	<p>Maksud alam Alam ialah segala makhluk ciptaan Allah SWT samada yang berada di langit dan dibumi</p>	(1 X2 = 2m)
		(ii)	<p>Perkara yang perlu dilakukan bagi memastikan alam ini sentiasa berada dalam keadaan selesa untuk didiami.: 1. Sentiasa memulihara alam / agar kembali kepada keadaan semulajadi / seperti menanam semula pokok-pokok yang telah ditebang /dengan itu ekosistem alam sentiasa terjaga 2. Menguatkuasakan undang-undang alam sekitar / tentang pemuliharaan alam sekitar / dengan mengenakan denda yang berat keatas pesalah alam sekitar / oleh itu alam akan sentiasa terjaga. (mana-mana jawapan munasabah diterima)</p>	<p>1 isi 1 huraian 1 huraian lanjut 1 kesimpulan = 4 markah</p>
	(c)		<p>Peranan agama dalam membina masyarakat yang bertamadun: 1. Islam menghendaki umatnya / berfikir secara kreatif dan inovatif / dalam pelbagai bidang kehidupan / dengan itu dapat menghasilkan sesuatu ciptaan yang baru 2. Islam mengatur peradaban dan akhlak / yang terpuji / untuk memastikan manusia dapat hidup dengan aman dan bahagia / di dunia dan akhirat (mana-mana jawapan munasabah diterima)</p>	<p>1 isi 1 huraian 1 huraian lanjut 1 kesimpulan = 4 markah</p>
	(d)		<p>Cara menghindarkan diri daripada ajaran sesat 1. Mendapatkan didikan agama / yang sempurna sejak dari kecil / seperti melalui ceramah, kuliah dan sebagainya/ dengan itu pengetahuan agama akan menjadi mantap 2. Sentiasa mendalami serta menghayati ajaran Islam / dalam kehidupan seharian / seperti sentiasa melakukan amal soleh / dengan itu keimanan lebih teguh (mana-mana jawapan munasabah diterima)</p>	<p>1 isi 1 huraian 1 huraian lanjut 1 kesimpulan = 4 markah</p>

2	(a)	(i)	<p>Dua ciri agama budaya:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Ajarannya berdasarkan pemahaman pengasas ajaran itu sahaja. 2. Pengasas ajaran ini adalah terdiri daripada manusia biasa sahaja. 3. Ajarannya tidak lengkap dan hanya merangkumi bahagian tertentu sahaja seperti kerohanian semata-mata 4. Bertentangan dengan fitrah semulajadi manusia 5. Mempunyai pangkat dan kasta tertentu. 	(2 X1 = 2m)
	(b)		<p>Dua contoh amalan wasatiyyah dalam beribadat yang bersesuaian dengan prinsip waqiiyyah ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Ibadat solat hanya diwajibkan pada waktu tertentu sahaja, iaitu pada waktu zohor, asar, maghrib, isyak dan subuh 2. Zakat tidak dikenakan kepada semua harta, tetapi hanya diwajibkan kepada harta tertentu sahaja seperti emas, perak, binatang ternakan dan sebagainya. 3. Puasa tidak diwajibkan sepanjang tahun tetapi hanya diwajibkan pada bulan Ramadhan sahaja 4. Haji diwajibkan hanya kepada yang mampu sekali seumur hidup sahaja 	(2 X2 = 4m)
	(c)		<p>Kesan jika hak asasi tidak diberikan kepada manusia:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Manusia akan memberontak / kerana mereka tidak dapat menikmati keperluan asas kehidupan mereka / seperti kebebasan bersuara / dengan itu negara akan menjadi huru hara. (mana-mana jawapan munasabah diterima) 	<p>1 isi 1 huraian 1 huraian lanjut 1 kesimpulan = 4 markah</p>
	(d)		<p>Dua hikmah daripada kelonggaran mengerjakan solat jamak dan qasar semasa bermusafir:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Ianya merupakan sebagai satu rukhsah dalam beribadat agar umat Islam tidak meninggalkan solat 2. Menunjukkan Islam agama yang tidak menyusahkan dan sebagai bukti kasih sayang Allah SWT kepada umat Islam dalam melakukan ibadat 3. Ibadat solat wajib dilaksanakan oleh umat Islam sepanjang hidup mereka 4. Umat Islam wajib menunaikan perintah Allah SWT walau dalam apa jua keadaan 5. Menarik minat orang bukan Islam terhadap ajaran Islam <p>(mana-mana jawapan munasabah diterima)</p>	(2X 2=4m)

		(ii)	Dua prinsip syumuliyah yang lain 1. Kesempurnaan hanya milik Allah SWT berbanding manusia yang bersifat lemah 2. Semua makhluk terikat dengan sunatullah, peraturan Allah SWT dan kemahuan Allah SWT seperti takdir dan ketetapan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT sejak dari azali lagi. 3. Semua manusia terikat dengan masa, ruang dan keadaan seperti rasa lapar, dahaga, sakit dan sebagainya. 4. Allah SWT menyediakan syariat yang lengkap untuk manusia menjalankan kehidupan di dunia ini.	(2 X 1 = 2M)
		(ii)	Dua bukti ajaran Islam bersifat syumuliyah dalam ekonomi. 1. Islam menyediakan pelbagai jenis muamalah dan panduan berjual beli, gadaian, sewaan untuk manusia memenuhi keperluan hidup seperti al-Rahn, al-Wadiah, al-Takaful dan sebagainya. 2. Kewajipan zakat dalam Islam adalah untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi umat Islam 3. Peraturan wakaf, sedekah, infak dan derma adalah untuk membantu umat Islam yang memerlukan bantuan 4. Pengharaman riba, monopoli, manipulasi dan judi adalah supaya umat Islam memperolehi harta yang diberkati (mana-mana jawapan munasabah diterima)	(2X 2=4m)
3	(a)	(i)	Empat prinsip negara Islam ialah : 1. Musyawarah (as-syura) 2. Keadilan (al-'adalah) 3. Kebebasan (al-hurriyyah) 4. Persamaan (al-musawah)	(4 X1 = 4m)
		(ii)	Matlamat pembentukan negara Islam 1. Untuk menegakkan perundangan Islam / dalam sesebuah negara / dengan lebih teratur dan sempurna / kesannya keadilan dapat ditegakkan dalam negara 2. Untuk menegakkan keadilan / kepada semua manusia / bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan negara / oleh itu kehidupan lebih selesa 3. Untuk menjamin hak asasi manusia / dapat dilaksanakan / dalam negara kepada semua rakyat / dengan itu kebajikan dapat dilaksanakan tanpa mengira bangsa dan keturunan. (mana-mana jawapan munasabah diterima)	1 isi 1 huraian 1 huraian lanjut 1 kesimpulan = 4 markah

	(b)	(i)	<p>Dua etika sistem kehakiman Islam:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Hakim tidak boleh menyebelahi mana-mana pihak samada pendakwa atau tertuduh / agar semua pihak berpuas hati dengan keputusan yang dikeluarkan 2. Hakim hendaklah jujur dan amanah dalam menjalankan tugasnya / agar dihormati oleh semua pihak 3. Hakim tidak boleh menghakimi mana-mana orang yang beliau mempunyai kepentingan dengannya / supaya hukumannya adil dan saksama 4. Sebarang kesalahan tidak boleh disabitkan jika terdapat keraguan / supaya tidak berlaku penganiyaan 5. Hakim hendaklah membebaskan tertuduh / jika terdapat sebarang keraguan 	(2 X2 = 4m)
		(ii)	<p>Dua Kesan sekiranya hakim tidak melaksanakan tanggungjawabnya semasa perbicaraan :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Jenayah tidak dapat dibendung / kerana penjenayah tidak takut kepada undang-undang 2. Masyarakat akan bertindak sendiri / kerana tidak puas hati 3. Berlaku penindasan / golongan kuat ke atas yang lemah. 4. Masyarakat sentiasa hidup dalam ketakutan/ merasa terancam <p>(mana-mana jawapan munasabah diterima)</p>	(2 X2 = 4m)
	(c)	(i)	<p>Cara merealisasikan sifat tawakal dalam menghadapi peperiksaan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Belajar bersungguh-sungguh / supaya memahami apa yang dipelajari / seperti membuat ulangkaji dan bertanya guru jika menghadapi masalah agar menghadapi peperiksaan dengan tenang dan / akhirnya reda kepada segala ketentuan daripada Allah SWT. 2. Sentiasa berdoa kepada Allah SWT/ setelah berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam membuat persediaan untuk menghadapi peperiksaan / seperti belajar secara berkumpulan dan sebagainya /dengan itu dapat meningkatkan keimanan kepada Allah SWT <p>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</p>	2 isi 2 huraian 2 kesimpulan = 6 markah
4	(a)	(i)	<p>Sebab Allah SWT mengamanahkan harta kepada manusia</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Supaya manusia menguruskan sumber harta dengan sebaik-baiknya / seperti yang telah ditetapkan oleh Allah SWT / seperti tidak membazir dan sia-sia sebagai tanda kesyukuran kepada nikmat Allah SWT / kerana ianya sebenarnya adalah milik mutlak Allah SWT <p>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</p>	1 isi 1 huraian 1 huraian lanjut 1 kesimpulan = 4 markah

	(ii)	<p>Dua kebaikan menunaikan tanggungjawab terhadap harta:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Harta semakin berkembang / dengan cara yang halal 2. Mendapat ketenangan / dalam hidup. 3. Mendapat kebahagiaan hidup / dunia dan akhirat / 4. Dihormati oleh masyarakat / kerana mengikut perintah agama <p>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</p>	(2 X2 = 4m)
b	(i)	<p>Dua sebab Islam menyuruh umatnya menceburi bidang pekerjaan yang halal:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Untuk mengelakkan daripada penindasan dan penganiayaan kepada orang lain / seperti mendapatkan harta melalui riba, monopoli dan sebagainya 2. Untuk mengelakkan permusuhan dan perbalahan semasa mendapatkan harta / contohnya melalui manipulasi 3. Untuk memajukan ekonomi negara dengan lebih teratur / dan sesuai dengan kehendak Islam. <p>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</p>	(2X 2 = 4m)
	(ii)	<p>Dua budaya kerja Islam:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bekerja kerana Allah SWT 2. Mempunyai perancangan yang lengkap / dalam bekerja 3. Mempunyai strategi yang betul / dalam bekerja 4. Memaksimumkan produktiviti / yang kualiti. 5. Berdisiplin dan menepati masa / semasa bekerja 6. Patuh / kepada arahan organisasi. <p>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</p>	(2X 2 = 4m)
	(c)	<p>Dua matlamat sistem muamalah Islam</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Manusia dapat saling tolong menolong dan bekerjasama / demi untuk kebaikan bersama. 2. Dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang aman sejahtera/ seperti pengharaman riba dapat mengelakkan daripada berlakunya penindasan dan huru hara dalam masyarakat 3. Memudahkan manusia menikmati segala kurniaan Allah SWT / dengan cara yang betul dan diredai-Nya supaya hidup lebih selesa 4. Memastikan segala kegiatan ekonomi diberkati dan diredai Allah SWT / seperti sistem takaful dan sebagainya 5. Mempereratkan hubungan persaudaraan dan hubungan silaturahim dan tolong menolong / melalui proses transaksi yang dijalankan 6. Memperkemaskan dan melicinkan urusan manusia serta masyarakat / untuk memudahkan urusan seharian mereka 	(2X 2 = 4m)

5	(a)	(i)	<p>Dua cara menjaga keturunan manusia melalui perundangan Islam ialah</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Islam mewajibkan umatnya supaya menjauhi perbuatan yang boleh merosakkan keturunan manusia / seperti zina, liwat, homoseks dan lesbian 2. Mensyariatkan perkahwinan / untuk melahirkan keturunan manusia yang sempurna 3. Islam mengenakan hukuman hudud / seperti sebat atau rejam keatas orang yang berzina. 	(2X 2 = 4m)
		(ii)	<p>Dua kepentingan memelihara keturunan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Untuk melahirkan zuriat yang halal / menerusi perkahwinan yang menepati kehendak syarak 2. Untuk mengelakkan maksiat yang merosakkan keturunan / seperti zina seks bebas dan sebagainya. 3. Untuk menjaga hak pewarisan harta pusaka / kepada mereka yang berhak. 4. Memelihara kehormatan diri dan keluarga / dari fitnah dan pandangan serong masyarakat 5. Untuk mengeratkan hubungan silaturahim / supaya bertambah kukuh kerana mematuhi syariat Islam. <p>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</p>	(2X 2= 4m)
	(b)		<p>Hikmah disyariatkan hukum haram :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Untuk memastikan kepentingan diri manusia / terpelihara dengan baik/. Contohnya pengharaman zina / kerana perbuatan tersebut boleh merosakkan keturunan manusia 2. Untuk mengawal nafsu manusia / daripada melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan kehidupan mereka / seperti pengharaman arak / dengan itu manusia sentiasa berdisiplin dan menjauhi perkara-perkara yang merosakan <p>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</p>	1 isi 1 huraian 1 huraian lanjut 1 kesimpulan = 4 markah
	(c)	(i)	<p>Jenis-jenis ibadat ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Ibadat khusus - solat, puasa,haji 2. Ibadat umum – bekerja, sedekah <p>(Mana-mana jawapan contoh yang munasabah diterima)</p>	(2 X1 = 2m) 2contoh X1 =2m
		(ii)	<p>Perkaitan antara ibadat dengan perundangan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 3. Kepatuhan kepada undang-undang / menunjukkan pengabdian seseorang kepada Allah SWT/ kerana akal dan jiwa manusia tidak mencukupi untuk mengawal akhlak dan tingkah laku mereka / dengan itu dapat mendisiplinkan diri ke arah yang lebih baik /dan cemerlang 	1 isi 1 huraian 1 huraian lanjut 1 kesimpulan = 4 markah

			<p>4. Sebagai panduan kepada manusia untuk memilih antara kebaikan dengan keburukan / kerana semua perkara yang dikira sebagai ibadat adalah perkara yang boleh membawa kebaikan / manakala perkara yang dilarang pula akan membawa keburukan kepada manusia oleh itu ibadat merupakan pemangkin kepada akhlak yang mulia</p> <p>5. Sebagai dorongan kepada manusia melakukan ibadat / Contohnya hukum wajib akan disertai dengan ganjaran pahala / manakala hukum haram pula akan disertai dengan balasan dosa, / oleh itu penetapan hukum tersebut akan mendorong manusia melakukan ibadat kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.</p> <p>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</p>	
6	(a)	(i)	<p>Dua langkah penyelesaian masalah menurut Islam</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mengenal pasti masalah yang berlaku 2. Mengenalpasti punca masalah secara terperinci dan menyeluruh 3. Membuat strategi dan kaedah untuk menyelesaikan masalah 4. Menguji kaedah dan strategi untuk menyelesaikan masalah 5. Melakukan penilaian semula terhadap strategi yang telah dilakukan 	(2 X1 = 2m)
		(ii)	<p>Sebab sesuatu masalah mesti diselesaikan secara Islam</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Islam adalah bersifat Rabaniyyah / iaitu datang daripada Allah / melalui al-Quran dan Hadis / dengan itu kebenarannya adalah bersifat mutlak dan terhindar daripada sebarang kecacatan 2. Islam bersifat alamiyyah / iaitu sesuai sepanjang zaman, masa dan tempat / oleh itu penyelesaian secara Islam dapat digunapakai sepanjang masa / di semua tempat. 3. Islam adalah agama yang bersifat Syumuliyyah / iaitu lengkap dan sempurna / yang meliputi semua aspek kehidupan manusia samada di dunia maupun akhirat / kesannya penyelesaian masalah secara Islam dapat dilakukan secara menyeluruh. <p>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</p>	<p>1 isi 1 huraian 1 huraian lanjut 1 kesimpulan = 4 markah</p>
	(b)	(i)	<p>Dua kelebihan orang berilmu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Allah SWT mengangkat darjat orang yang berilmu beberapa darjat / jika dibandingkan dengan orang yang tidak berilmu. 2. Orang yang menuntut ilmu dikira sebagai ibadat / yang akan diberikan pahala oleh Allah SWT. <p>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</p>	(2X 2 = 4m)

		(ii)	<p>Cara mencapai kecemerlangan dalam pelajaran</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Sentiasa belajar dengan bersungguh-sungguh / pada setiap masa/ dengan itu dapat memahami segala pelajaran dengan lebih mudah 2. Setiasa berdisiplin ketika belajar / seperti sentiasa menepati masa / dengan itu ilmunya akan diberkati Allah SWT (Mana-mana jawapan yang munasabah diterima) 	<p>2 isi 2 huraian 2 kesimpulan = 6 markah</p>
	(c)	(i)	<p>Pengertian dakwah ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Suatu usaha menyeru dan menyakinkan orang lain supaya menerima dan mengamalkan ajaran Islam. (mana-mana jawapan yang munasabah diterima) 	(1 X2 = 2m)
		(ii)	<p>Dua cara berdakwah disekolah</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menunjuk contoh teladan yang baik/ kepada rakan-rakan di sekolah 2. Menerbitkan risalah-risalah dakwah / untuk disebarkan kepada rakan-rakan 3. Menganjurkan minggu dakwah / pada setiap bulan 4. Mengadakan ceramah, forum, tazkirah dan lain-lain di sekolah / secara berkala 	(2 X2 = 4m)
7	(a)	(i)	<p>Cara sistem muamalah Islam dapat membantu menambahkan modal perniagaan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mewujudkan sistem pinjaman wang / tanpa riba / seperti al-Rahnu, al-Ijarah dan sebagainya dengan tujuan untuk memenuhi keperluan ummah / dengan itu dapat menambahkan modal 2. Mewujudkan sistem Arrahnu,/ iaitu kemudahan yang disediakan oleh Islam untuk mendapatkan wang tunai dengan segera, dengan cara mencagarkan harta / seperti tanah dan barang kemas / untuk mendapatkan wang tunai dengan segera 3. Al-Ijarah / memberi sewa barangan tertentu / seperti rumah kepada orang yang memerlukan / dengan itu dapat memberi pertolongan kepada orang yang tidak mampu untuk mendapatkan sesuatu barangan dengan bayaran tertentu (Mana-mana jawapan yang munasabah diterima) 	<p>1 isi 1 huraian 1 huraian lanjut 1 kesimpulan = 4 markah</p>

	(ii)	<p>Keistimewaan sistem muamalah Islam :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Muamalah Islam menjadikan harta / sebagai alat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT / dengan menunaikan beberapa ibadat melalui harta / seperti, berzakat dan menunaikan haji. 2. Muamalah Islam menggalakkan manusia / melakukan kebajikan melalui harta yang dimiliki / seperti bersedekah, menolong orang yang memerlukan dan menderma/ oleh itu nasib golongan miskin terbelah 3. Muamalah Islam melarang manusia/ daripada mengumpulkan harta dengan cara yang bertentangan dengan hukum syara, penindasan dan perbuatan zalim, / seperti menipu, rasuah dan mencuri / oleh itu keamanan akan terjaga (Mana-mana jawapan munasabah diterima) 	<p>1 isi 1 huraian 1 kesimpulan = 4 markah</p>
	(b) (i)	<p>Maksud Rasuah ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memberi atau menerima sesuatu yang berharga seperti wang, harta atau perkhidmatan daripada seseorang dengan tujuan untuk mendapatkan sesuatu atau dilepaskan daripada dikenakan tindakan dengan cara yang salah. 	<p>(1 X2 = 2m)</p>
	(ii)	<p>Kesan buruk rasuah kepada keselamatan negara</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Berlakunya penindasan dan kezaliman / dimana keadilan tidak dapat ditegakkan / dalam masyarakat / kesannya negara berada dalam huru hara (mana-mana jawapan munasabah diterima) 	<p>1 isi 1 huraian 1 huraian lanjut 1 kesimpulan = 4 markah</p>
	(c) (i)	<p>Pengertian nikah ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ikatan yang teguh antara lelaki dan perempuan melalui akad nikah yang sah untuk hidup bersama, tolong-menolong dan menunaikan naluri seks secara halal. 	<p>(1X 2= 2m)</p>
	(ii)	<p>Kepentingan perkahwinan dalam membentuk masyarakat yang sejahtera</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Dapat memupuk perasaan kasih sayang / antara suami isteri dan anak-anak / dengan itu dapat melahirkan ketenangan jiwa dalam kehidupan seharian / kesimpulannya akan melahirkan sebuah masyarakat yang aman 	<p>1 isi 1 huraian 1 huraian lanjut 1 kesimpulan = 4 markah</p>

SKIMA PEMARKAHAN TAMAT